

**PETIKAN TULISAN
SUCI UNTUK
DIHAFAL:**

Kita mengasihi,
karena Allah
lebih dahulu
mengasihi kita.

(1 Yohanes 4:19)

'Aku memberikan perintah baru kepada kamu, iaitu supaya kamu saling mengasihi; sama seperti Aku telah mengasihi kamu demikian pula kamu harus saling mengasihi.'

Hari ini semasa dunia merayakan Hari Keluarga Antarabangsa, marilah kita diingatkan tentang perintah Yesus, untuk menjadikannya peraturan emas kita. Keluarga kita adalah ungkapan suci kasih Allah. Bagaimana lagi anak-anak kita boleh tahu erti tidak mementingkan diri sendiri jika mereka tidak mengalami darah dagingnya di rumah? Kita, yang merupakan pengikut Kristus perlu menampakkan sifat-sifat-Nya dengan mengasihi, mengambil berat, dan memberikan diri sendiri seperti yang Dia lakukan. Pelukan pasangan apabila kita dilanda cabaran hidup; pelukan besar ibu bapa untuk anak yang mengalami tekanan di tempat kerja atau di sekolah akan sangat membantu dalam mencontohi Tuhan kita.

Bacaan pertama dalam Kisah Para Rasul bercakap tentang kesusahan yang perlu kita tanggung untuk memasuki Kerajaan Allah. Berkongsi salib Kristus adalah berkongsi dalam Kemuliaan-Nya semasa kita meneruskan perjalanan duniawi kita menuju keabadian. Kita boleh membayangkan apa yang menanti kita daripada bacaan ke-2 yang diambil dari Wahyu di mana Yohanes memberitahu kita bahawa Allah akan tinggal bersama kita, umat-Nya, dan Dia akan menghapuskan setiap air mata dari mata kita.

Jadi apabila kita memberikan segala-galanya kepada keluarga, Allah telah menganugerahkan kita, kita adalah Kristus yang lain yang memberikan dirinya sendiri, kerana kasih dengan maruah yang Allah telah berikan kepada kita masing-masing. Dengan jaminan bahawa Allah bersama kita dan tinggal bersama kita, kita boleh mengasihi kerana Allah adalah kasih; kita boleh memaafkan kerana Allah mengampuni; dan kita boleh pergi keluar dari keselesaan untuk menjaga, kerana Allah mengambil berat.

Jika hari ini, ketidakmaafan menghalang anda daripada mengasihi, fikirkan Yesus di Salib yang berseru kepada Bapa-Nya, 'Bapa, ampunilah mereka, mereka tidak tahu apa yang mereka lakukan'. 

**AYAT SUCI
MINGGU INI**

Kisah 14: 21-27;

Mazmur 144: 8-13;

Wahyu 21: 1-5;

Yohanes 13: 31-35.

Newtbec

NEW WAY OF BEING CHURCH

Hari Minggu Paska Ke-5

GARAM DAN TERANG DUNIA: PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI

FOKUS BULANAN:

Hari Keluarga Antarabangsa (15 Mei)

KELUARGA *Sebagai* UNGKAPAN SUCI *Kasih Allah*

Bacaan-bacaan kitab suci hari ini sangat menarik. Injil Yohanes adalah pendek tetapi jumlah dan intinya semua ada! Semasa drama Sengsara itu berlangsung, Yesus memberitahu murid-murid-Nya bahawa Allah dipermuliakan di dalam Dia, Anak Manusia. Yesus memberikan ekspresi kepada Misteri Paska yang membawa kepada keadaan kemuliaan-Nya melalui tindakan hidup tanpa mementingkan diri, sepanjang jalan ke Salib, ketika Dia menyerahkan nyawa-Nya untuk seluruh umat manusia.

